



## UUM JOURNAL OF LEGAL STUDIES

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls>

How to cite this article:

Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad, Ahmad Taqiyuddin Muhammad Tajuddin, & Hairunnizam Wahid. (2025). Penilaian risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa Labuan. *UUM Journal of Legal Studies*, 16(2), 142-161. <https://doi.org/10.32890/uumjls2025.16.2.9>

### **PENILAIAN RISIKO PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DI PUSAT PERNIAGAAN DAN KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN**

*(Risk Assessment of Money Laundering and Terrorism Financing in the Labuan  
International Business and Financial Centre)*

<sup>1</sup>Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad,

<sup>2</sup>Ahmad Taqiyuddin Muhammad Tajuddin & <sup>3</sup>Hairunnizam Wahid

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Professional,

<sup>3</sup>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

<sup>1</sup>Corresponding author: [ahmadazams@um.edu.my](mailto:ahmadazams@um.edu.my)

Received: 12/4/2024

Revised: 25/11/2025

Accepted: 22/7/2025

Published: 31/7/2025

### **ABSTRAK**

Kajian ini menilai risiko pengubahan wang haram (*money laundering, ML*) dan pembiayaan keganasan (*terrorist financing, TF*) di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan Labuan International Business and Financial Centre, IBFC). Menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan dokumen, kajian ini mengkaji punca-punca, implikasi, dan tahap risiko ML/TF serta keberkesanan langkah penguatkuasaan yang diambil oleh pihak berkuasa. Kajian ini juga menilai garis panduan sedia ada yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dan institusi antarabangsa seperti Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force, FATF*). Hasil kajian menunjukkan bahawa kedudukan strategik Malaysia, keterbukaan ekonomi, dan kekuatan kerahsiaan perbankan menjadikan Labuan IBFC sebagai sasaran utama untuk aktiviti ML/TF. Kajian ini mengenal pasti bahawa kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan transaksi kewangan menyumbang kepada risiko yang tinggi. Selain itu, kajian ini menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dan penggunaan teknologi moden dalam mengesan dan mencegah ML/TF. Kajian ini menyarankan beberapa langkah untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, termasuk pengemaskinian

rangka kerja undang-undang, peningkatan kesedaran industri, dan penggunaan pendekatan berasaskan risiko. Implikasi dasar yang dicadangkan bertujuan untuk memperkukuh integriti dan kestabilan sistem kewangan Malaysia serta mengurangkan risiko ML/TF di Labuan IBFC.

**Kata kunci:** Pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pusat kewangan luar pesisir, Labuan IBFC, FATF, penguatkuasaan undang-undang.

### ABSTRACT

*This study assessed the risks of money laundering and terrorist financing at the Labuan International Business and Financial Centre (Labuan IBFC). Using a qualitative approach with document content analysis, this research examined the causes, implications, and risk levels of ML/TF, as well as the effectiveness of enforcement measures taken by authorities. The study also evaluated existing guidelines set by the Malaysian government and international institutions such as the FATF. The findings indicated that Malaysia's strategic location, economic openness, and strong banking secrecy make Labuan IBFC a prime target for ML/TF activities. The study identified those weaknesses in law enforcement and financial transaction monitoring as contributing to high risks. Additionally, the research emphasises the importance of international cooperation and the use of modern technology in detecting and preventing ML/TF. The study suggested several measures to enhance enforcement effectiveness, including updating the legal framework, increasing industry awareness, and adopting a risk-based approach. The proposed policy implications aimed to strengthen the integrity and stability of Malaysia's financial system and reduce ML/TF risks at Labuan IBFC.*

**Keywords:** Money laundering, terrorist financing, offshore financial centre, Labuan IBFC, FATF, law enforcement.

### PENGENALAN

Pusat kewangan luar pesisir merupakan kawasan atau wilayah yang menawarkan perkhidmatan kewangan kepada bukan pemastautin pada skala yang tidak berkadar dengan saiz dan pembiayaan ekonomi domestiknya (Aalbers, 2018). Ia menempatkan sektor perkhidmatan khusus yang menyediakan penyelesaian secara khusus kepada pelbagai syarikat yang membolehkan wujudnya aktiviti perbankan bayangan. Bekhouche (2018) berpendapat isu pengubahan wang haram yang paling ketara diketahui sejak beberapa tahun kebelakangan ini berkongsi sifat atau modus operandi yang sama. Organisasi jenayah sangat bergantung kepada kapasiti tempat perlindungan kewangan dan pusat luar pesisir untuk mengitar semula aset jenayah bagi menghalang penyiasatan jenayah dilakukan ke atas mereka. Pusat kewangan luar pesisir dianggap sebagai “syurga kewangan” kerana entiti tersebut menyediakan pelbagai pilihan untuk pelabur asing yang tidak mahu mendedahkan nilai aset yang dimiliki mereka kepada negara asal. Ini dilakukan melalui pendaftaran akaun syarikat rekaan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh beberapa bank luar pesisir yang tidak tertakluk kepada kawal selia pihak berkuasa. Takrifan kewangan luar pesisir yang lebih luas daripada tempat perlindungan cukai ialah pelabur menggunakan bidang kuasa ini untuk membentuk timbang tara bagi pengumpulan dana dengan lebih mudah, pemprosesan yang pantas, kos pendaftaran yang lebih murah serta akses kepada bidang kuasa undang-undang yang boleh dipercayai.

## MASALAH KAJIAN

Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) merupakan satu-satunya pusat kewangan luar pesisir yang terdapat di Malaysia. Lokasinya yang strategik terletak di tengah kawasan perdagangan dan pasaran kewangan Asia-Pasifik selain mempunyai zon masa yang sama dengan Singapura dan Hong Kong (Osman, 1998). Pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF) adalah isu global yang mengancam kestabilan ekonomi dan keselamatan negara. Menurut laporan FATF (2015), kelemahan dalam pengawasan sempadan dan zon perdagangan bebas menjadikan Malaysia rentan terhadap aktiviti haram ini. Penjenayah sering menggunakan akaun bank luar pesisir, akaun keldai, dan syarikat cangkang untuk menyembunyikan hasil jenayah. Walaupun Malaysia mempunyai rangka kerja perundangan seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (*Anti-Money Laundering Act, AMLA* 2001), pelaksanaannya kurang efektif. Siasatan terhadap jenayah transnasional dan ancaman asing masih lemah, seperti yang ditegaskan oleh laporan FATF. Kesan daripada aktiviti ML/TF ini melangkaui aspek ekonomi. Ia menyebabkan kerosakan kepada integriti kewangan negara, kehilangan keyakinan pelabur asing, dan mencetuskan ketidakstabilan sosial. Aktiviti pengubahan wang haram memberikan penjenayah keupayaan ekonomi untuk memperkukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat, yang boleh merangsang berlakunya aktiviti jenayah lain. Walaupun pelbagai usaha seperti penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan (*National Coordination Committee, NCC*) dan garis panduan Bank Negara Malaysia telah dilaksanakan, keberkesanannya masih terhad. Kajian terdahulu mencadangkan keperluan pendekatan baharu yang lebih moden, termasuk penggunaan analisis tingkah laku dan teknologi biometrik, untuk mengenal pasti dan mencegah aktiviti ini.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca, implikasi, dan risiko ML/TF di Labuan IBFC serta menilai keberkesanan langkah penguatkuasaan sedia ada. Ia juga akan mencadangkan pendekatan baharu bagi meningkatkan pemantauan dan kawalan, sekali gus memastikan Labuan IBFC dapat berfungsi sebagai hab kewangan luar pesisir yang selamat dan berintegriti.

## KAJIAN LEPAS

Pengubahan wang haram merujuk kepada proses di mana individu menyembunyikan asal usul sebenar wang yang diperolehi daripada kegiatan jenayah, terutamanya yang melibatkan aktiviti komersial (Ahmad et al., 2017). Istilah ini pertama kali digunakan pada sekitar tahun 1920-an oleh agensi penguatkuasaan undang-undang di Amerika Syarikat, bagi merujuk kepada aktiviti “mencuci” wang haram yang diperolehi daripada penyeludupan, perjudian, dan pelacuran. Menurut seksyen 3 AMLA 2001, pengubahan wang haram merujuk kepada perbuatan individu yang terlibat dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Shanmugam et al. (2003) mendefinisikan pengubahan wang haram sebagai aktiviti yang melibatkan memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindah, menukar, membawa, melupus, menggunakan, mengalihkan atau membawa masuk sebarang hasil yang menyalahi undang-undang, dengan menggunakan pelbagai helah untuk menyembunyikan atau menghalang penubuhan sifat sebenar, lokasi asal, pelupusan, dan pemilikan dana tersebut. Oleh itu, pengubahan wang haram merupakan satu proses di mana sumber wang haram dibawa masuk ke dalam sistem kewangan yang teratur dan sah (Shanmugam et al., 2003).

Bank Negara Malaysia (2014) menyatakan pengubahan wang haram melibatkan tiga kaedah utama iaitu penempatan (placement), lapisan (layering), dan penyepaduan (integration). Penempatan merujuk

kepada proses memisahkan dana haram daripada sumber asal dengan memasukkannya ke dalam sistem kewangan. Antara contohnya termasuk menandatangani dana ke institusi kewangan, memecah dana besar kepada beberapa transaksi kecil melalui teknik yang dikenali sebagai "smurfing", atau menunaikan cip kasino untuk memperoleh cek. Lapisan pula melibatkan penciptaan pelbagai lapisan transaksi bagi menyamarkan asal-usul dana haram. Kaedah ini termasuk pemindahan dana secara berulang, penggunaan pelbagai invoice untuk transaksi yang sama, atau penjualan semula aset yang dibeli secara tunai menggunakan dana haram. Penyepaduan merupakan tahap akhir dalam proses ini, di mana dana yang telah dicuci dimasukkan ke dalam ekonomi sebagai dana yang kelihatan sah. Contohnya melalui pembelian hartanah, barang bernilai tinggi, atau pelaburan dalam perniagaan yang sah. Pada peringkat ini, dana haram menjadi sukar untuk dikesan kerana ia kelihatan seperti hasil sah.

Namun, Gilmour (2022) mengkritik model ini kerana dianggap usang. Beliau menekankan keperluan pendekatan moden yang bukan hanya memfokuskan kepada pencirian proses, tetapi juga mengambil kira identiti pelaku jenayah dan lokasi pusat kewangan bagi memperluas cerapan dalam menangani pengubahan wang haram. Hashim dan Rahman (2020) pula menjelaskan pengubahan wang haram sebagai proses menukar hasil jenayah seperti dadah, rasuah, dan pemerasan menjadi wang yang kelihatan sah, melalui modus operandi seperti Macau Scam, penipuan internet, Love Scam, dan judi dalam talian. Keldai akaun pula adalah individu yang menerima wang daripada pihak ketiga ke dalam akaun mereka, dan kemudian bertindak memindahkan wang tersebut kepada orang lain sama ada secara tunai atau melalui kaedah lain, selepas menerima komisen. Malah, ketika negara menghadapi pandemik COVID-19, kes-kes yang melibatkan keldai akaun semakin meningkat. Penjenayah mengambil kesempatan terhadap kesukaran ekonomi rakyat dengan menawarkan ganjaran dan komisen kepada golongan tertentu untuk menjadi pemilik kepada akaun keldai. Individu yang direkrut untuk menjadi keldai akaun sering tertipu dengan janji pampasan wang. Mangsa kadang-kala tidak menyedari bahawa mereka ini telah diperdaya untuk menjadi pemilik akaun keldai. Mereka terdiri daripada pelbagai golongan termasuk mahasiswa, pelajar, suri rumah, pekerja sendiri, pesara mahupun penganggur (Hashim & Rahman, 2020).

### **Potensi Pusat Kewangan Luar Pesisir dijadikan Lokasi Kegiatan Mencuci Dana Haram**

Negara-negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia, menjadi sasaran utama pengubahan wang haram disebabkan oleh faktor geografi dan keterbukaan ekonomi. Malaysia terdedah kepada ancaman ini, dengan kewujudan pusat kewangan luar pesisir dan pelabuhan bebas menjadi saluran utama bagi wang haram memasuki sistem kewangan negara. Menurut FATF (2015), pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan sering berlaku di rantau ini akibat kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang, khususnya di pelabuhan dan zon perdagangan bebas (Ahmad et al., 2017). Pusat kewangan luar pesisir sering dikaitkan dengan aktiviti pengubahan wang haram kerana kerahsiaan perbankan yang membolehkan transaksi dilakukan tanpa pengawasan yang ketat. Penjenayah cenderung memilih pusat-pusat ini kerana kekurangan peraturan atau undang-undang yang berkesan untuk memantau pelaburan mereka. Picard dan Pieretti (2011) mencadangkan pengurangan kerahsiaan bank sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini, manakala Bailey dan Liu (2013) menekankan bahawa struktur pemilikan syarikat yang tidak telus memudahkan pengubahan wang haram dan juga pengelakan cukai.

Malaysia telah mengambil beberapa langkah penting dalam memerangi pengubahan wang haram, terutamanya di Labuan IBFC, namun masih terdapat beberapa kekurangan. AMLA 2001 telah diperkenalkan sebagai rangka kerja perundangan utama, namun pelaksanaannya masih kurang berkesan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam pengawasan sempadan dan zon perdagangan bebas, yang menjadikan negara lebih terdedah kepada kemasukan aktiviti haram. Di

sampling itu, siasatan terhadap jenayah transnasional dan ancaman asing juga masih lemah, seperti yang dilaporkan oleh FATF. Kajian-kajian terdahulu telah mencadangkan penggunaan pendekatan moden seperti analisis tingkah laku dan teknologi biometrik. Namun begitu, pendekatan ini sering gagal menangani risiko khusus yang wujud di Malaysia dan Asia Tenggara. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam mengenai risiko pengubahan wang haram di rantau ini amat diperlukan.

### **Implikasi Kegiatan Pengubahan Wang Haram**

Dalam dunia tanpa sempadan yang semakin berkembang, rangkaian jenayah pengubahan wang haram dengan pantas dapat menyesuaikan diri menyusup masuk dan mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem kewangan bagi menyembunyikan operasi haram daripada pengetahuan pihak berkuasa. Pelanggaran dalam sistem kewangan dunia menunjukkan bahawa langkah yang lebih aktif diperlukan untuk memerangi pengubahan wang haram dan jenayah kewangan (Yeh, 2022). Ahmad et al. (2017) berpendapat bahawa pengubahan wang haram bukan sahaja menjejaskan keutuhan, kestabilan dan keselamatan sesebuah negara, malah turut merosakkan perkembangan ekonomi negara dan sistem kewangan terutamanya di negara sedang membangun seperti Malaysia. Aktiviti ini menyebabkan kehilangan kepercayaan kepada institusi kewangan, apabila wang haram diserap masuk ke dalam sistem sebagai wang yang kelihatan sah. Kesan ini berlaku kerana negara membangun lazimnya mempunyai rejim penguatkuasaan yang lemah dan lebih menumpukan perhatian kepada pengeluaran dagangan dan perkhidmatan, berbanding kawalan aliran kewangan. Jenayah pengubahan wang haram juga memberi kuasa ekonomi kepada penjenayah yang menggunakan wang dikumpulkan daripada aktiviti haram bagi tujuan mengukuhkan kedudukan mereka di kalangan masyarakat. Akibatnya, banyak aktiviti berteraskan jenayah akan berkembang di pasaran domestik sesebuah negara, sekaligus menyebabkan pelabur asing hilang kepercayaan untuk melabur di negara tersebut. Malah paling menggerunkan adalah apabila penjenayah mula menguasai sesebuah negara melalui pelaburan dalam syarikat-syarikat milik kerajaan yang pada asalnya beroperasi secara sah, tetapi kemudiannya digunakan untuk mencuci wang haram (MIDA, 2021).

### **Kaedah yang digunakan untuk Menangani Kegiatan Pengubahan Wang Haram**

Malaysia memainkan peranan penting dalam memerangi pengubahan wang haram melalui penubuhan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) pada 1 Mac 1993 di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. SC bertanggungjawab mengawal selia pasaran modal, bursa saham, serta memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan berkaitan. Selain itu, SC juga menyelia entiti berlesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, dan melaporkan kepada Menteri Kewangan. Bagi mematuhi AMLA 2001, SC telah mengeluarkan Garis Panduan pada 15 Januari 2014, yang kemudian dikemas kini pada 7 Disember 2016. Garis panduan ini menggariskan kewajipan Institusi Pelapor dalam mematuhi obligasi di bawah AMLA. AMLA mendefinisikan pengubahan wang haram sebagai aktiviti yang melibatkan hasil daripada kesalahan serius yang disembunyikan melalui urusan niaga. Seksyen 3(1) AMLA turut mentakrifkan "Kesalahan Pembiayaan Keganasan," termasuk penyediaan atau pengumpulan harta bagi tujuan keganasan serta transaksi yang melibatkan harta milik pengganas. Prinsip utama dalam memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan adalah memastikan Institusi Pelapor mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghalang transaksi yang mencurigakan atau haram. Bahagian Siasatan Forensik Perakaunan di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, memainkan peranan penting dalam memberikan bantuan dari aspek perakaunan forensik bagi menyiasat kes jenayah komersial, mengesan transaksi rumit, mengenal pasti bukti perakaunan, dan membantu pegawai penyiasat menjejak aset serta menyediakan laporan analisis.

Menurut Bekhouche (2018) Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan (*National Coordination Committee, NCC*) ditubuhkan pada April 2000 untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di Malaysia. Jawatankuasa ini melibatkan penyertaan daripada 16 wakil kementerian dan agensi penguatkuasaan. Antara pencapaian utama NCC ialah penggubalan AMLA 2001, yang mewajibkan institusi kewangan dan bukan kewangan untuk melaporkan sebarang transaksi mencurigakan. AMLA turut menetapkan kewajipan bagi bank dan profesional undang-undang untuk mengenal pasti dan melaporkan aktiviti mencurigakan, serta melaksanakan usaha wajar pelanggan untuk mencegah pengubahan wang haram.

Labuan IBFC memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai pengubahan wang haram dengan menganjurkan sesi kesedaran yang melibatkan agensi penguatkuasaan undang-undang dan pemain industri kewangan. Program ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai risiko terkini pengubahan wang haram dan mengurangkan impaknya terhadap perniagaan. Pada Oktober 2019, sesi kesedaran telah diadakan dengan peserta dari Bank Labuan dan syarikat kewangan yang membincangkan pembiayaan keganasan dan sekatan kewangan. Selain itu, Bank Negara Malaysia (2021) turut melaksanakan latihan berterusan dan aktiviti pemantauan untuk memastikan pematuhan berkesan terhadap undang-undang berkaitan pencegahan pengubahan wang haram. Kajian Granados dan Vargas (2022) pula mencadangkan penggunaan pendekatan topologi dan geometri dalam mengesan pengubahan wang haram, melalui analisis terhadap struktur rangkaian kewangan yang mencurigakan. Sementara itu, Picard dan Pieretti (2011) menegaskan bahawa tekanan terhadap pusat kewangan luar pesisir dapat meningkatkan tahap pematuhan tanpa merugikan pelabur atau industri.


### **Garis Panduan Berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram**

Pada Julai 2001, Malaysia memperkenalkan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA 2001), yang mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2002. Akta ini kemudiannya dipinda untuk merangkumi pembiayaan keganasan dan hasil daripada aktiviti haram, dan kini dikenali sebagai AMLATFPUAA. Akta ini bertujuan untuk membanteras pengubahan wang haram dengan menyenaraikan kesalahan-kesalahan utama dan memberikan pelucutan kerahsiaan bank kepada pihak berkuasa untuk tujuan siasatan. Ia merangkumi penyiasatan, pembekuan, penyitaan, serta kewajipan melaporkan transaksi mencurigakan oleh institusi kewangan dan bukan kewangan, termasuk perbankan konvensional, perbankan Islam, dan luar pesisir (Bekhouche, 2018).

Bank Negara Malaysia (BNM) berperanan penting dalam melaksanakan dasar pencegahan pengubahan wang haram melalui semakan berterusan terhadap pengaturannya. BNM mengetuai NCC yang melibatkan 16 kementerian dan agensi kerajaan untuk menyelaras, melaksanakan, dan memantau program berkaitan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Selain itu, BNM bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang (*Law Enforcement Agency, LEA*) untuk menyampaikan penemuan risikan kewangan secara cepat dan cekap. BNM juga telah menetapkan empat peringkat utama dalam dasar penyelarasan, iaitu: pencegahan, risikan, siasatan, dan pendakwaan kehakiman. Institusi pelapor dan pihak berkuasa penyelia diwajibkan untuk melaporkan, mengumpul, menganalisis, dan menyerahkan hasil risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang. Langkah siasatan dan pendakwaan diambil bagi memastikan hukuman yang berkesan dan pencegahan kesalahan lebih lanjut. Pada Julai 2021, NCC telah mengesahkan penemuan Penilaian Risiko Kebangsaan (*National Risk Assessment, NRA*) 2020 yang menilai pelbagai kategori risiko berhubung pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Penilaian ini turut melibatkan analisis terhadap risiko di sektor kewangan dan bukan kewangan, menggunakan data dari tahun 2017 hingga 2019 (BNM, 2022).

## Rajah 1

### Langkah Kawalan (Jurang Kawalan)



Sumber. BNM, 2022.

Kajian Bekhouche (2018) menyoroti usaha Malaysia memerangi pengubahan wang haram melalui Akta Anti Pengubahan Wang Haram 2001. Namun, beliau mencadangkan hukuman Seksyen 4 akta ini dinaikkan kerana tempoh pemenjaraan maksimum 5 tahun lebih rendah berbanding jenayah komersial lain di Malaysia (contohnya rasuah: 20 tahun) dan negara lain (contohnya UK, Hong Kong, Brunei: 14 tahun, AS: 20 tahun). Kerjasama antarabangsa, pembinaan kapasiti, dan penyeliaan lebih ketat diperlukan, serta kajian mendalam mengenai kelemahan perundangan dan pelaksanaan melalui analisis global. Trend global terbaru dalam pengubahan wang haram dan peraturan jenayah kewangan menunjukkan peningkatan tindakan penguatkuasaan dan pemodenan peraturan. Pada tahun 2024, terdapat beberapa tindakan penguatkuasaan besar-besaran telah diambil terhadap institusi kewangan, seperti Bank Toronto-Dominion di Amerika Syarikat yang dikenakan denda lebih dari \$3 bilion kerana kegagalan Anti-Money Laundering (AML). FinCEN juga telah mengeluarkan peraturan baharu yang memperkuat program pematuan AML/CFT, termasuk keperluan untuk penasihat pelaburan dan transaksi hartanah. Pada tahun 2025, perjanjian perkongsian data rentas sempadan dan penggunaan platform seperti FATF's Egmont Group akan memudahkan pertukaran maklumat masa nyata untuk mengenal pasti dan memerangi jenayah kewangan global dengan lebih berkesan. Selain itu, peningkatan penggunaan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence, AI*) dalam pengurusan aset digital dan pemilikan benefisial utama (Ultimate Beneficial Ownership, UBO) dijangka meningkatkan pematuan dan pengesanan jenayah kewangan. Perkembangan ini mencerminkan usaha global untuk memperkuat rangka kerja peraturan dan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dalam memerangi pengubahan wang haram dan jenayah kewangan.

### Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF)

Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) dibentuk oleh G-7 pada 1989 bertujuan untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kumpulan ini


mempunyai 39 negara anggota dan dua organisasi serantau. Objektif FATF adalah untuk mewujudkan piawaian dan menyokong pelaksanaan langkah undang-undang dengan lebih berkesan untuk memerangi ML/TF dan risiko lain terhadap integriti sistem kewangan antarabangsa. Piawaian FATF mengandungi pendekatan global yang diselaraskan untuk memerangi jenayah terancang, rasuah dan keganasan. Setiap negara anggota dikehendaki mewujudkan peraturan tersendiri bagi memenuhi matlamat yang digariskan dalam garis panduan yang telah disediakan. FATF mempengaruhi peraturan pihak berkuasa domestik untuk mendakwa penjenayah yang berurusan dengan dadah haram, pemerdagangan manusia dan kesalahan lain (Yeh, 2022). BNM adalah antara peserta aktif dalam organisasi antarabangsa seperti FATF dan Kumpulan Perunding Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Consultative Group, FICG) dengan menawarkan bantuan teknikal untuk penilaian bersama yang dilakukan oleh FATF dan APG (Asia/Pacific Group on Money Laundering) serta mempromosikan pelbagai inisiatif FATF termasuk Transformasi Digital, Jenayah Alam Sekitar dan Penyeludupan Manusia dengan menaja pelbagai usaha risikan kewangan untuk menangani cabaran serantau terutamanya yang berkaitan dengan hasil penipuan, pemalsuan dan rasuah (BNM, 2022).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan teknik analisis kandungan dokumen, yang merujuk kepada garis panduan FATEF, laporan tahunan, artikel jurnal dan laman sesawang agensi berkaitan. Pendekatan ini bertujuan untuk mendalami maksud dan makna yang terkandung dalam dokumen, agar dapat diterjemahkan kepada maklumat yang bernilai. Analisis ini menggunakan penelitian dan penaksiran berdasarkan teks interaktif oleh kerana model kajian bersifat analitikal dasar maklumat dan cadangan penyelidikan yang belum diuji oleh pengkaji lain. Mengikut kepada perkembangan sejarah berkaitan teknik analisis kandungan telah berkembang bermula awal 1950-an melangkaui bidang kesusasteraan, sains sosial dan beberapa disiplin lain (Krippendorff, 2004). Analisis kandungan dokumen merupakan pendekatan penyelidikan yang bernilai untuk menggariskan penemuan yang boleh dipercayai dan boleh diulang daripada teks atau maklumat lain yang berkaitan dengan konteks penggunaannya. Pendekatan ini juga dirujuk sebagai tafsiran dan dicirikan oleh pembacaan mendalam terhadap bahan teks yang agak terbatas dan artikulasi semula tafsiran teks ke dalam naratif yang boleh diterima dalam naratif ilmiah tertentu (Krippendorff, 2004; White & Marsh, 2006). Oleh kerana sumber perolehan dokumen dan makluman terbatas, namun analisis kandungan dokumen boleh dilakukan pada masa hadapan. Analisis kandungan dokumen data sekunder membantu untuk menyelidik topik sensitif (Bryman, 2008). Rangka kerja analisis kandungan dokumen yang digunakan dalam kajian ini telah diubah suai berdasarkan gabungan model Krippendorff (2004) dan White dan Marsh (2006) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

## Rajah 2

### Kerangka Analisis Kandungan Dokumen



*Sumber.* Krippendorff, 2004; White & Marsh, 2006.

Kerangka kerja yang diadaptasi merangkumi dokumen kajian analisis kandungan bermula dengan pensampelan dokumen berdasarkan isu yang ditetapkan oleh penyelidik untuk menjawab soalan kajian. Oleh itu, penyelidik menterjemahkan apa yang dibaca ke dalam unit yang bermakna, mengenali struktur yang menarik, dan menyatakan semula konsep pemahamannya secara berurutan atau holistik. Kajian ini berbeza dengan soal selidik yang membolehkan penyelidik mengawal penjanaan data dan menentukan kepentingan pengumpulan data. Seterusnya topik kajian adalah memfokuskan kepada penemuan yang diambil daripada analisis dokumen. Menurut Krippendorff (2004), dan White dan Marsh (2006) persoalan kajian ialah himpunan hipotesis namun tidak seperti hipotesis saintifik yang bergantung terhadap bukti yang boleh diperhatikan secara langsung kerana soalan kajian analisis kandungan dokumen ditangani dengan inferens yang diambil daripada teks bagi memberi tumpuan kepada menjawab persoalan kajian. Proses ini diteruskan apabila penyelidik menjalankan penerokaan bahan untuk memperoleh tahap pemahaman yang mencukupi untuk mentafsir dan menerangkan semula penyelidikan secara berulang sehingga tafsiran yang sesuai dicapai sebagaimana diterapkan oleh kajian Krippendorff. Analisis kandungan dokumen dilakukan berdasarkan soalan kajian tertentu dan boleh dilakukan dengan cepat dan berkesan bermula dengan pensampelan dokumen, membaca dokumen, menilai dokumen dan akhirnya menjawab soalan kajian. Ini selaras dengan saranan Krippendorff (2004) yang mengatakan analisis kandungan dokumen adalah bermula dengan soalan kajian dan kemudian meneliti dokumen dengan matlamat yang ditetapkan berbanding membentuk corak berdasarkan keutamaan penyelidik. Usaha untuk menjawab persoalan kajian juga mengubah analisis kandungan dokumen menjadi kajian sebenar berbanding kajian teori semata-mata. Berhubung dengan konteks, analisis konstruktif mengoperasikan perkara yang diketahui, disyaki, atau diandaikan oleh penganalisis. Ini dipertimbangkan semasa membuat inferens daripada dokumen yang diperiksa (Krippendorff, 2004). Objektif analisis konstruktif adalah untuk menjamin bahawa analisis kandungan dokumen sepadan dengan konteks penggunaan teks. Di samping itu, analisis konstruktif memastikan keputusan sampel diproses mengikut aplikasinya. Kesimpulan yang dibuat menggunakan kerangka analisis kandungan

dikategorikan sebagai inferens abduktif Krippendorff (2004) kerana ia melibatkan proses perpindahan daripada satu teks ke teks yang lain untuk menjawab persoalan kajian. Inferens abduktif ialah peringkat pertama penyelidikan saintifik dan proses tafsiran. Inferens abduktif melibatkan dua operasi iaitu pemilihan dan pembentukan persoalan kajian yang munasabah dan kemudiannya menjadi asas kepada pembinaan semula tafsiran dan teori.

## DAPATAN KAJIAN

### Risiko dan Situasi Umum

Menurut FATF (2015b), Malaysia mempunyai beberapa risiko ML/TF disebabkan keadaan lokasi, keterbukaan ekonomi, pembolosan sempadan mahupun disebabkan permasalahan jenayah dalaman dan serantau. Selain penipuan, jenayah percukaian, dadah, rasuah dan penyeludupan, FATF telah mengenal pasti kesalahan berisiko tinggi lain yang berkaitan dengan pengubahan wang haram yang akaun menggunakan penama ahli keluarga, syarikat hadapan, harta tanah (terutamanya kereta dan hartanah), barangan bernilai tinggi, penjaga pintu, perniagaan perkhidmatan wang dan sektor tidak formal adalah kaedah pengubahan wang haram. Keuntungan termasuk pendapatan cukai juga dihantar ke hab kewangan utama di Asia. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai rangka kerja perundangan dan kawal selia untuk langkah pencegahan yang menunjukkan tahap pematuhan teknikal yang tinggi dengan keperluan FATF. Tunjang utama sistem ML/TF Malaysia adalah penyelarasan antara agensi dan rangka kerja dasar, penyeliaan oleh BNM, serta peranan Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence and Enforcement Department, FIED) dan Pasukan Petugas Khas. Kesemua elemen ini menyumbang kepada pencapaian keputusan dan keperluan penambahbaikan. Jadual 1 menunjukkan tahap keberhasilan secara keseluruhan yang dicadangkan oleh FATF terhadap Malaysia.

### Jadual 1

#### Keberhasilan Segera (*Immediate Outcome, IO*)

| Keberhasilan<br>Segera (IO) | Negara   |           |          |          |           |
|-----------------------------|----------|-----------|----------|----------|-----------|
|                             | Malaysia | Indonesia | Thailand | Filipina | Singapura |
|                             | 2015     | 2018      | 2017     | 2020     | 2016      |
| IO1                         | SE       | SE        | SE       | SE       | SE        |
| IO2                         | ME       | SE        | SE       | ME       | SE        |
| IO3                         | SE       | ME        | ME       | ME       | ME        |
| IO4                         | ME       | ME        | LE       | ME       | ME        |
| IO5                         | ME       | ME        | LE       | LE       | ME        |
| IO6                         | SE       | SE        | SE       | ME       | SE        |
| IO7                         | ME       | ME        | ME       | LE       | ME        |
| IO8                         | ME       | SE        | SE       | LE       | ME        |
| IO9                         | ME       | SE        | ME       | LE       | LE        |
| IO10                        | SE       | ME        | ME       | LE       | ME        |
| IO11                        | ME       | LE        | LE       | LE       | SE        |

Sumber. (FATF, 2015b, 2016, 2017, 2018d, 2020).

Keberkesanan Hasil Segera merujuk kepada petunjuk dan panduan komprehensif yang digunakan oleh negara-negara dan institusi kewangan untuk memerangi MK/TF. Dapatan hasil penelitian dalam Jadual 1 mengandungi terma IO1 sehingga IO11 yang merujuk kepada (IO1: Risiko, Dasar dan Penyelarasan,; IO2: Kerjasama Antarabangsa, ; IO3: Penyeliaan, IO4: Langkah-langkah Pencegahan, IO5: Peraturan dan Perundangan, IO6: Perisikan Kewangan, IO7: Siasatan dan Pendakwaan, IO8: Rampasan, IO9: Siasatan dan Pendakwaan, IO10: Langkah-langkah pencegahan & Sanksi Kewangan dan IO11: Sanksi Kewangan. Tahap Keberhasilan Segera berikut diukur menggunakan aras Tinggi (*substantial outcomes*), sederhana (*moderate outcomes*) dan rendah (*low outcomes*). Dalam kajian ini, negara-negara Asia seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura telah dipilih secara rawak untuk mewakili keseluruhan negara Asia supaya analisis dari segi perbezaan dapat dilakukan bagi memahami dan membandingkan perbezaan antara data dan membuat kesimpulan. Selain itu, laporan Keberhasilan yang dinyatakan di Jadual 1 adalah keputusan semasa dan dipetik pada Januari 2023 melalui laman web rasmi FATF. Kedudukan terkini penarafan Malaysia masih ketinggalan berbanding negara-negara lain disebabkan tiada permintaan penilaian semula pematuhan teknikal dibuat setelah laporan susulan pertama dan kedua dikeluarkan (FATF, 2018a). Hasil dapatan kajian daripada Laporan Penilaian Bersama FATF bagi tahun 2015 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

#### ***IO1: Risiko, Dasar dan Penyelarasan (Tinggi/SE)***

Malaysia mempunyai dasar rangka kerja yang teguh untuk AML/CFT dengan komitmen politik yang sangat ketara dan peruntukan sumber yang jelas untuk mencapai objektif dasar. Pengendalian dua NRA dan penilaian lain terhadap ancaman dan kelemahan ML/TF membolehkan Malaysia melaksanakan tindak balas yang lebih disasarkan berdasarkan profil risikonya. Penilaian risiko Malaysia adalah munasabah tetapi penilaiannya terhadap risiko ML lebih kuat daripada TF dan kedua-duanya perlu lebih memfokuskan kepada ancaman asing. Tahap perincian dalam penilaian TF tidak cukup untuk membimbing sektor swasta dalam memahami dan mengurus risiko yang berkaitan. Oleh itu, penambahbaikan sederhana diperlukan dalam aspek ini. Dasar AML/CFT, keutamaan kerajaan dan peruntukan sumber telah diselaraskan sebagai tindak balas kepada penilaian risiko pada tahap yang besar dan langkah penambahbaikan sedang diteruskan. Di samping itu, pihak berkepentingan sektor swasta telah memulakan usaha untuk menentukan semula tindak balas berasaskan risiko. Walau bagaimanapun, usaha ini masih belum menyeluruh, terutamanya dalam kalangan DNFBP. Malaysia juga mempunyai proses penyelarasan nasional AML/CFT yang berfungsi dengan baik, sama ada di peringkat dasar mahupun operasi. Penyelarasan nasional berhubung PF juga adalah kukuh dan menjadi asas kepada pembaharuan sistematik yang berterusan.

#### ***IO2: Kerjasama Antarabangsa (Sederhana/ME)***

Kerjasama antarabangsa Malaysia mesti lebih sejajar dengan profil risiko terutamanya apabila meminta bantuan perundangan bagi memerangi operasi haram. Kerjasama Malaysia tidak dihalang oleh cabaran teknikal kegiatan pengubahan wang haram. Kebanyakan sistem memudahkan perkongsian dan sokongan pengetahuan yang pantas. Malaysia menyediakan perkhidmatan kerjasama antarabangsa seperti ekstradisi, aktiviti pengubahan wang, risikan kewangan dan pemilikan benefisial, namun masih menerima banyak permintaan terhadap aktiviti pengubahan wang dan ekstradisi. Kerjasama agensi penguatkuasaan menunjukkan bahawa keperluan untuk memberi lebih tumpuan terhadap ancaman luar melalui pengangkutan antarabangsa. FIU dan penyelia juga telah berkoordinasi dengan rakan sekerja luar negara berdasarkan risiko dan keadaan. Ini membantu Malaysia dalam memantau, menyiasat dan menganalisis ancaman global. Pihak berkuasa seperti PDRM harus mengutamakan kerjasama antarabangsa untuk meningkatkan tanggungjawab penyiasatan mereka dan bekerjasama dalam ancaman transnasional.

### ***IO3: Penyeliaan (Tinggi/SE)***

Malaysia mempunyai kesesuaian kemasukan pasaran yang kukuh dan peraturan untuk Institusi Kewangan (FI), manakala DNFBP seperti pengurusan kasino mempunyai kelemahan. Semua agensi penguatkuasaan mengawasi risiko TFS dan pemantauan berasaskan risiko juga telah menggantikan pengawasan berasaskan peraturan. BNM mempunyai sumber yang baik dan menggunakan penyeliaan yang sensitif terhadap risiko dan menyasarkan isu perbankan, perkhidmatan pemindahan wang atau nilai (*Money or Value Transfer Service, MVTS*), Perniagaan Perkhidmatan Wang (*Money Services Business, MSB*) dan ML/TF terhadap kasino dan SC juga menguruskan risiko sekuriti ML/TF dengan cara yang sama. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan Financial Services Authority, LFSA) mengatasi industri luar pesisir dengan penyeliaan BNM dan fokus amanah dan pembekal perkhidmatan syarikat (Trust and Company Service Providers, TCSP). Sistem gred Malaysia memerlukan peningkatan pemantauan yang tinggi walaupun kasino dan TCSP Labuan bukan sektor perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (Designated Non-Financial Businesses and Professions, DNFBP) yang berisiko tinggi. Untuk memastikan kaedah berasaskan risiko, denda AML/CFT mesti diperluaskan ke seluruh industri. Pelesenan semula, penyatuan dan tindakan keras ke atas MSB haram juga boleh mengurangkan risiko.

### ***IO4: Langkah-langkah Pencegahan (Sederhana/ME)***

Kebanyakan langkah pencegahan dan kawalan dalaman yang dilaksanakan oleh institusi kewangan (Financial Institutions, FI) dan DNFBP di Malaysia mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh FATF. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak sektor yang berada dalam fasa peralihan daripada berasaskan peraturan kepada strategi berasaskan risiko, walaupun Malaysia telah mempunyai pendekatan berasaskan risiko rasmi selama beberapa tahun. Penemuan hasil penyiasatan oleh pihak penyelia menunjukkan bahawa Institusi Pelapor (Reporting Institutions, RI) masih keliru dalam memahami risiko dan sebahagian sektor tidak melaksanakan sepenuhnya kewajipan usaha wajar kenali pelanggan (Customer Due Diligence, CDD) termasuk usaha wajar ke atas pemilik benefisial atas dasar sensitif risiko tetapi sebaliknya dalam cara formal yang prekriptif. Terdapat interaksi kawal selia yang teguh di kalangan FI. Kasino dan TCSP luar pesisir mencerminkan kawasan berisiko lebih tinggi, untuk meningkatkan pengetahuan tentang kewajipan dan risiko. Sementara itu, DNFBP lain kurang mendapat perhatian dari segi jangkauan dan pengawasan.

### ***IO5: Perundangan dan Pengaturan (Sederhana/ME)***

Malaysia mempunyai mekanisme untuk mengesan pemilik yang didakwa. Untuk menentukan siapa pemilik benefisial yang sah, Malaysia menggunakan obligasi RI seperti TCSP. Kualiti cara tanggungjawab pada TCSP dilaksanakan adalah tidak konsisten dan cabaran paling ketara bagi RI ialah maklumat tentang pemilikan benefisial mungkin tidak boleh diakses di peringkat perniagaan untuk membantu mereka memenuhi kewajipan mereka untuk CDD. Keperluan bahawa semua pemegang amanah yang mempunyai akaun bank mesti memaklumkan kepada bank bahawa mereka adalah pemegang amanah telah sebahagian besarnya ditadbir oleh bank itu sendiri.

### ***IO6: Perisikan Kewangan (Tinggi/SE)***

Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Unit, FIU) merupakan unit yang beroperasi di bawah Jabatan Perisikan dan Penguatkuasaan Kewangan (Financial Intelligence and Enforcement Department, FIED), Bank Negara Malaysia berfungsi dengan baik menghasilkan pelbagai item strategik dan operasi

berkualiti tinggi untuk menyokong keutamaan dan bidang risiko LEA yang semakin berkembang. FIU, LEA, penyelia, FIED dan bersama FIU menunjukkan visi yang tinggi untuk membangunkan pembiayaan yang disasarkan berkaitan keseimbangan tempatan dan global termasuk penilaian risiko dan kerjasama risiko akaun "keldai" antara agensi. FIU memerlukan Laporan Transaksi Mencurigakan (Suspicious Transaction Report , STR) dan laporan rentas sempadan berkaitan TF tambahan untuk menjana risikan kewangan. SPRM dan LHDN antara agensi yang menggunakan produk perisikan FIU dan pasukan Petugas Khas mengenai penipuan cukai yang diketuai oleh Jabatan Peguam Negara Malaysia (Attorney General's Chambers , AGC). Penyiasatan predikat LEA berjaya menggunakan alat risikan kewangan dan semua agensi di bawah LEA masing-masing mempunyai pendekatan unik terhadap risikan kewangan.

#### ***IO7: Siasatan dan Pendakwaan ML (Sederhana/ME)***

Malaysia mempunyai asas perundangan dan institusi yang baik walaupun output ML yang masih rendah. Proses siasatan semakin meningkat namun di peringkat pendakwaan dan sabitan ML masih kekal rendah. Malaysia tidak menangani kesalahan berisiko tinggi dengan sewajarnya selain penipuan. Sejak tahun 2009, tiada pendakwaan ML direkodkan bagi jenayah berkaitan narkotik, cukai atau rasuah dan hanya sembilan pendakwaan direkodkan untuk kes penyeludupan komoditi. Kebanyakan kes penipuan adalah pada tahap rendah dan sederhana kecuali beberapa kes yang berprofil tinggi. Malaysia dilihat hanya agresif dalam mendakwa kes ML yang berpunca daripada jenayah predikat asing. Bagi meningkatkan keberkesanan, penyiasatan, penyasatan dan pendakwaan ML memerlukan kemahiran yang lebih tinggi di peringkat AGC. Ini perlu digabungkan dengan kerjasama, penyelarasan dan keupayaan PDRM. Di samping itu, hukuman yang dijatuhkan bagi kesalahan ML adalah sederhana dan tidak cukup berkesan untuk memberikan kesan pencegahan yang nyata. Walaupun hasil rampasan aset dan tindakan terhadap kesalahan predikat menunjukkan prestasi yang baik, penekanan terhadap penyiasatan dan pendakwaan khusus untuk ML masih kurang diberi keutamaan.

#### ***IO8: Rampasan (Sederhana/ME)***

Rampasan cukai dan penyeludupan komoditi Pasukan Petugas Khas telah meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Namun begitu, jenayah seperti pengedaran dadah, penipuan dan rasuah kekal berisiko tinggi, meskipun terdapat penurunan dalam penyitaan AMLA. Malaysia telah mengambil harta daripada sasaran negara serantau tetapi bukan terhadap pesalah yang mengambil untung. LEA masih menghadapi masalah untuk merampas harta kepada pelanggaran dan menyasarkan kes yang lebih kompleks. LHDN pula hanya menyasarkan akaun bank milik pembayar cukai dan hak milik harta tanah dan tidak mengutamakan mengejar jenayah predikat antarabangsa atau menjejaki pendapatan bagi pesalah di luar negara. Untuk memaksimumkan keberkesanan rejim AML/CFT, perkongsian maklumat antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia, PDRM dan BNM perlu dipertingkatkan.

#### ***IO9: Siasatan dan Pendakwaan TF (Sederhana/ME)***

Tindakan pendakwaan terhadap kesalahan TF kebanyakan tidak dapat didakwa di Malaysia walaupun 40 kertas siasatan telah dibuka sejak tahun 2010 dan 22 siasatan diteruskan. Keistimewaan kes TF adalah pembiayaan sendiri, saiz penggunaan wang tunai yang kecil telah menghalang pihak pendakwaan. Penekanan Malaysia terhadap pertubuhan dan aktiviti keganasan serta pencegahan perisikan keselamatan dan bukannya pembiaya TF adalah faktor lain. Siasatan TF membantu risikan keselamatan dan langkah pencegahan. Siasatan kewangan keganasan dan TF telah membawa kepada cadangan penamaan UN 1267 dan 1373 memandangkan kesan bahaya keganasan di Malaysia dan

fungsi keselamatan dan LEA Cawangan Khas PDRM sebahagiannya mencapai matlamatnya dengan menggunakan cara keselamatan. Walau bagaimanapun apabila pertuduhan dan sabitan TF tidak dapat dilaksanakan.

#### ***IO10: Langkah-langkah pencegahan & Sanksi Kewangan (Tinggi/SE)***

Sekatan kewangan Malaysia yang didasarkan keganasan adalah sah dan tersusun dengan baik. Malaysia sendiri menetapkan pengkangan di bawah 1373. Ini membekukan aset untuk menghadapi risiko. Bank Malaysia memahami pembekuan dan skrin TF. Insurans, tabung haji, sekuriti, dan kenderaan telah dibekukan tetapi pasaran bukan perbankan memerlukan perubahan. Pencegahan, pemantauan dan jangkaan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (Non-Profit Organisation, NPO) telah bertambah baik untuk memadamkan risiko. Pendaftar Pertubuhan Malaysia dan pengawal selia NPO lain bekerjasama dengan PDRM untuk mencapai hasil yang dapat mengurangkan risiko pembiayaan keganasan secara tepat.

#### ***IO11: Sanksi Kewangan (Tinggi/SE)***

Rangka kerja AML/CFT Malaysia yang kukuh kini termasuk Pembiayaan Proliferasi (Proliferation Financing, PF) untuk memerangi kewangan percambahan. Malaysia telah menggunakan saluran penyelarasan untuk membangunkan rangka kerja undang-undang untuk sekatan kewangan yang didasarkan (Targeted Financial Sanctions, TFS) terhadap percambahan senjata pemusnah besar-besaran (Weapons of Mass Destruction, WMD) tetapi jurang teknikal yang utama ialah kelewatan yang wujud dalam memindahkan klasifikasi baharu PBB ke dalam undang-undang Malaysia yang menghalang keberkesanan. Bank-bank Malaysia menapis dan membekukan PF menggunakan TFS. Penyelia tapisan penalti PF. Malaysia telah menyekat aset untuk institusi Iran yang berpangkalan di Labuan, tetapi ini memerlukan penambahbaikan. RI harus mengutamakan mencari dan membekukan aset orang dan entiti yang bertindak bagi pihak atau atas arahan orang atau entiti tertentu.

#### **Penilaian terhadap Labuan IBFC**

Secara keseluruhan dapatan penelitian daripada Laporan Penilaian Bersama FATF yang menumpukan kepada Labuan IBFC adalah seperti berikut:-

- (i) Labuan IBFC dinilai sebagai berisiko sederhana oleh Penilaian Risiko Negara atas faktor sebahagian institusi kewangan yang berpangkalan di Labuan dimiliki dan diuruskan oleh bank tempatan dan sebahagian besar operasi Labuan memfokuskan kepada pengguna dalam kalangan rakyat Malaysia.
- (ii) Bilangan pemegang amanah dalam dan luar pesisir agak rendah. Malaysia menguatkuasakan keperluan supaya semua pemegang amanah tempatan dan antarabangsa yang mendaftar di Labuan IBFC atau mengendalikan akaun bank perlu didedahkan status pemegang amanah/pelanggan mereka.
- (iii) Terdapat interaksi kawal selia yang kukuh dan langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan di seluruh Institusi Kewangan, kasino dan TCSP luar pesisir untuk meningkatkan pemahaman tentang kewajipan dan bahaya. Dari segi jangkaan dan penyeliaan, DNFBP lain kurang mendapat perhatian.

- (iv) Siasatan terhadap kesalahan predikat asing atau pergerakan keuntungan luar pesisir tidak diberi keutamaan yang lebih luas di Malaysia berbanding siasatan kesalahan tempatan dan LHDN tidak menyasarkan semua jenis harta sebaliknya hanya menyiasat akaun bank dan hak milik tanah atas nama pembayar cukai.
- (v) Labuan IBFC mewakili 6.6% daripada aset industri kewangan luar pesisir Malaysia. Walau bagaimanapun, sesetengah perusahaan adalah berasaskan perkhidmatan dan bukan berasaskan aset. Sebilangan besar perniagaan Labuan IBFC dilakukan oleh firma yang mempunyai rangkaian ke Malaysia.
- (vi) Penilaian dan pengetahuan risiko Malaysia serta perbincangan pasukan penilai dengan institusi kewangan dan LEA menunjukkan bahawa penggunaan akaun 'keldai akaun' di Malaysia adalah isu yang masih dalam pemerhatian. PDRM telah mengenal pasti akaun keldai yang kebanyakannya melibatkan pemegang akaun individu dan bukan daripada entiti perniagaan dan kerajaan dan sektor komersial menyedari risiko ini dan tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap orang yang dikenal pasti mempunyai akaun keldai.
- (vii) Sektor luar pesisir Labuan mempunyai hubungan dengan beberapa negara yang mempunyai tahap risiko yang tinggi. Hubungan institusi, ekonomi dan rentas sempadan serta bahaya yang ditimbulkan oleh penjenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas ML/TF dikesan tidak difahami dengan baik serta memerlukan penambahbaikan dalam penilaian risiko dan pemahaman.
- (viii) Penilaian Risiko Negara dan kajian lain telah menilai risiko ML dan TF untuk semua sektor institusi kewangan namun tidak menganalisis risiko dan kelemahan ML/TF dalam industri kewangan Islam berbanding sektor kewangan konvensional secara berasingan sebagaimana yang dilakukan misalnya terhadap sektor domestik dan luar pesisir.
- (ix) Malaysia tidak menunjukkan kejayaan besar dalam mengejar pemulangan kenderaan curi atau mendapatkan semula harta benda yang telah dibawa ke tempat lain menimbulkan tanggapan bahawa penjenayah yang memindahkan keuntungan mereka keluar dari Malaysia seperti bukan kesalahan besar untuk tidak dirampas.
- (x) Penilaian Risiko Negara memberikan penarafan risiko rendah kepada predikat antarabangsa berdasarkan kekerapan permintaan untuk keuntungan jenayah daripada negara lain. Menurut FIED, SPRM, dan PDRM, dalam kes-kes yang besar dan rumit, jejak itu sering pergi ke luar pesisir ke Asia/Pasifik dan negara-negara lain.
- (xi) Ancaman yang ditimbulkan oleh jenayah transnasional seperti pengedaran dadah, penipuan dan penyeludupan memerlukan Malaysia untuk menggunakan lebih banyak sistem MLA dan memberi penekanan yang lebih besar untuk menjejaki wang di luar pesisir melalui ekstradisi. Malaysia tidak bertindak secara proaktif menjejaki harta benda yang telah dipindahkan ke luar negara.
- (xii) SPRM telah mengenal pasti banyak kelemahan yang berkaitan dengan pergerakan hasil rasuah ke lokasi luar pesisir asing termasuk Switzerland, Hong Kong, China dan Singapura disebabkan keperluan maklumat yang terbatas. SPRM telah mengenal pasti kerjasama IBFC dengan Switzerland telah meningkat dengan ketara yang membawa kepada penyelidikan lanjut mengenai ML.

- (xiii) Syor berkenaan Kerjasama Antarabangsa memastikan supaya PDRM mengemas kini pendekatannya terhadap kerjasama antarabangsa sepadan dengan keutamaan ML termasuk mengejar aset dan wang tunai yang dipindahkan ke luar pesisir. PDRM perlu mewujudkan sistem penyelarasan berpusat untuk MLA dan permintaan siasatan 'Police-to-Police' dengan membekalkan data menyeluruh mengenai kerjasama antarabangsa.
- (xiv) Malaysia secara amnya mematuhi keperluan Rekomendasi 4 FATF, yang lebih awal. MER 2007 menentukan bahawa Akta Perbankan Luar Pesisir menghalang keupayaan LFSA untuk memperoleh maklumat pelanggan secara sah dalam perjalanan biasa tugas penyeliaannya dan bahawa BNM dan LFSA dilarang daripada bertukar maklumat pengguna dengan rakan sejawat asing.
- (xv) Di Malaysia, entiti undang-undang berikut boleh ditubuhkan; (a) Perbadanan termasuk syarikat tanpa had (dalam pesisir dan luar pesisir), syarikat berhad dan syarikat awam berhad; (b) perkongsian liabiliti terhad (luar pesisir dan darat, domestik dan antarabangsa); (c) pertubuhan; dan (d) asas (luar pesisir).
- (xvi) Malaysia telah melarang waran saham di bawah seksyen 57 CA 1965 dan saham pembawa untuk syarikat asing di bawah Akta Syarikat Labuan (Labuan Companies Act, LCA) sejak 1990 disebabkan keperluan bahawa semua saham didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Perniagaan dalam negeri tidak boleh menerbitkan saham pembawa. Waran saham untuk perusahaan Labuan tidak dilarang tetapi penggunaannya dihadkan oleh s.43(1) LCA 1990, yang memerlukan pemfailan maklumat mengenai pengagihan saham dengan LFSA, dan s. 105, yang memerlukan semua perniagaan Labuan mengekalkan daftar keahlian.

Malaysia mempunyai pelbagai dasar untuk mengurangkan risiko tersebut dan proses penilaian risiko ML/TF di buat sebelum, semasa dan selepas kedua-dua NRA menunjukkan asas yang kukuh untuk NCC bersama agensi lain untuk terus mengutamakan dasar ke arah pengurangan risiko dengan mengambil kira sifat risiko yang berkembang. Proses NRA merupakan faktor utama dalam meningkatkan kesedaran risiko di negara ini. Pasukan penilai secara amnya berpuas hati dengan kewajaran penilaian risiko ML/TF terhadap Malaysia, namun beberapa kelemahan dalam skop ketersediaan data dan proses NRA telah diperhatikan. Kelemahan ini mengehadkan pemahaman tentang beberapa ancaman dan kelemahan ML/TF seperti ancaman dan kelemahan yang bersumberkan kekuatan dan kelemahan institusi. Beberapa kelemahan dalam skop dan tahap perincian NRA mengehadkan kegunaannya untuk mengukur teknik pengenalanpastian, penilaian dan pengurusan risiko dalaman.

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami risiko terhadap pusat kewangan luar pesisir dijadikan lokasi sasaran penjenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF). Objektif kajian ini adalah untuk menjawab tentang punca-punca kegiatan tersebut berlaku, mengenalpasti implikasi dan tahap risiko, mengkaji keberkesanan langkah penguatkuasaan, mengenal pasti kaedah yang terbaik untuk menangani ML/TF ke atas pusat kewangan luar pesisir dan meneliti penilaian dasar terhadap garis panduan sedia ada yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan institusi antarabangsa.

Hasil kajian telah mengenal pasti punca utama kegiatan ML/TF adalah disebabkan kedudukan lokasi Malaysia sebagai destinasi serantau yang strategik, keterbukaan ekonomi, bidang kuasa luar pesisir dan pelabuhan bebas telah mewujudkan persekitaran untuk kemasukan wang haram disebabkan oleh peranan penguatkuasaan yang longgar di pintu pelabuhan zon perdagangan bebas dan penguatkuasaan yang tidak sekata terhadap perkhidmatan kewangan luar pesisir. Kerahsiaan perbankan yang kukuh untuk pihak berkepentingan menjadikan pusat kewangan luar pesisir sebagai sasaran ML/TF. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia masih menunjukkan kekurangan dalam rejim penguatkuasaan, kerana negara lebih menumpukan kepada hasil perdagangan dan perkhidmatan bagi tujuan meningkatkan pendapatan negara. Apabila transaksi kewangan tidak dipantau secara teliti, penjenayah akan memilih lokasi untuk mencuci wang dan akan melabur terutamanya di bank luar pesisir. Pelabur asing turut berupaya menggunakan akaun syarikat palsu untuk menutup pemindahan wang yang menyalahi undang-undang dari satu akaun bank ke akaun bank yang lain oleh sebab hanya hab kewangan luar pesisir sahaja tempat selamat untuk mereka daripada dikesan pihak berkuasa. Keadaan ini meningkatkan risiko pengubahan wang haram, dan memberi kesan negatif kepada kestabilan pusat kewangan luar pesisir. Antara kesannya penjenayah akan memperoleh keupayaan ekonomi untuk menggunakan wang yang dikumpulkan melalui operasi haram untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat hingga mengakibatkan percambahan aktiviti berkaitan jenayah di pasaran domestik.

Pengubahan wang haram boleh menjejaskan bukan sahaja integriti, kestabilan, dan keselamatan sesebuah negara, malah pembangunan ekonomi dan sistem kewangan terutamanya di negara membangun seperti Malaysia akan mengakibatkan hilangnya keyakinan terhadap institusi kewangan negara. Penting kepada kejayaan sesebuah negara dalam memerangi aktiviti ML/TF ialah langkah penguatkuasaan. Antara langkah yang digariskan dalam usaha membanteras operasi pengubahan wang haram ialah keperluan bagi Institusi Pelapor untuk melarang transaksi yang menyalahi undang-undang dalam negara. Bahagian Siasatan Forensik Perakaunan berperanan menyediakan bantuan perakaunan forensik dalam penyiasatan kes jenayah komersial serta memberi bantuan kepada jabatan lain dalam PDRM bagi kes yang kompleks melibatkan banyak transaksi perakaunan, selain mengenal pasti dokumen perakaunan yang boleh digunakan sebagai bukti untuk mengenal pasti modus operandi penjenayah dalam penyalahgunaan sistem perakaunan dan membantu pegawai penyiasat dalam mengesan jejak wang. Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan telah ditubuhkan untuk mewujudkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah yang perlu untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merangka Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Malaysia 2001 dan menyelaras respons Malaysia terhadap inisiatif antarabangsa (AMLA). Dalam senarai entiti yang diperlukan untuk melaporkan transaksi yang mencurigakan ialah Institusi Pelaporan dan Suruhanjaya Sekuriti, Broker Saham, Juruaudit Luar, Peguam dan Setiausaha Syarikat. Di samping itu, CDD mesti diperkukuh untuk menghalang penjenayah daripada menggunakan institusi kewangan Malaysia untuk tujuan pengubahan wang haram.

### **IMPLIKASI DASAR**

Penambahbaikan rangka kawal selia Labuan IBFC menuntut suatu transformasi dasar yang bersifat komprehensif dan responsif terhadap landskap jenayah kewangan moden. Pendekatan tradisional yang menekankan kepada ciri proses pengubahan wang semata-mata perlu dikembangkan kepada pendekatan yang menyasarkan pelaku, lokasi, dan struktur transaksi berisiko tinggi. Kajian Ung et al. (2023) menegaskan bahawa pengesanan pelaku dan geografi jenayah adalah aspek yang kritikal bagi tindakan penguatkuasaan yang berkesan.

Sebagai langkah awal, Malaysia disaran mencontohi pendekatan United Kingdom, yang telah mengintegrasikan biometric behavioural analytics ke dalam proses usaha wajar kenali pelanggan (Customer Due Diligence, CDD). Ini dilakukan melalui sistem eKYC yang disokong AI dan pengecaman suara di sektor perbankan (UK Finance, 2022). Selain itu, Singapura turut menerajui inisiatif canggih dengan melaksanakan sistem pemantauan transaksi berasaskan AI untuk mengesan akaun keldai, dengan sokongan pasukan AML khas di bawah Monetary Authority of Singapore (MAS, 2022).

Model analisis seperti *Gross Excluding Reversals (GER)* yang digunakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) juga menekankan pentingnya kualiti institusi dalam menyekat aliran wang haram. Negara seperti Norway dan Kanada, yang memiliki skor tinggi dalam indeks tadbir urus dan kawalan rasuah, menunjukkan kadar aliran kewangan haram yang jauh lebih rendah berbanding negara membangun (Global Financial Integrity, 2018). Maka, Malaysia perlu menstruktur semula indikator tadbir urus fiskal dan kehakiman untuk menyokong keberkesanan dasar AML.

FATF (2021) turut mencadangkan agar negara anggota mengemas kini penilaian risiko sektor kewangan secara berkala serta melaksanakan pemantauan berasaskan teknologi. Di Belanda, penggunaan teknik homologi dalam pemetaan jaringan transaksi mencurigakan telah meningkatkan keberkesanan siasatan AML oleh De Nederlandsche Bank (Basel Institute, 2021). Malaysia boleh mengadaptasi model ini untuk mengenal pasti struktur kewangan yang kompleks di Labuan menggunakan kaedah matematik topologi dan geometri rangkaian.

Di peringkat legislatif, Seksyen 4 Akta AMLA 2001 perlu direformasi agar setimpal dengan piawaian global. Amerika Syarikat menetapkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan pelucuthakan aset bernilai berbilion dolar bagi kesalahan AML (U. S. Department of Justice, 2021). Di Australia, undang-undang AML membolehkan denda hingga AUD 21 juta dikenakan terhadap institusi kewangan yang gagal melaporkan transaksi mencurigakan (AUSTRAC, 2020). Malaysia harus memperkenalkan mekanisme pelucuthakan aset tanpa sabitan (*non-conviction-based for feiture*) dan meningkatkan hukuman sedia ada bagi menimbulkan efek pencegahan.

Akhir sekali, Labuan IBFC memerlukan tadbir urus kawal selia yang lebih bersepadu. Agensi seperti LFSA, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti perlu memperkukuh sinergi antara satu sama lain, dengan mengadakan latihan teknikal dan bengkel kesedaran AML kepada DNFBP secara berkala. Pendekatan ini telah dilaksanakan secara konsisten di Jerman, melalui Bundesanstalt für Finanzdienstleistungsaufsicht (BaFin), yang mewajibkan audit AML tahunan ke atas pengamal profesional bukan kewangan (BaFin, 2021). Langkah-langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan pemantauan, malah meletakkan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir yang mematuhi piawaian global dan tahan uji terhadap ancaman jenayah kewangan merentas sempadan.

## KESIMPULAN

Lokasi strategik Malaysia, keterbukaan ekonomi, bidang kuasa luar pesisir, dan pelabuhan bebas telah mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pengubahan wang haram. Kerahsiaan perbankan yang kukuh menjadikan Malaysia sasaran utama untuk pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang di Malaysia masih kurang diberi penekanan, memandangkan tumpuan utama negara lebih fokus kepada pendapatan daripada sektor perdagangan

dan perkhidmatan. Aktiviti pengubahan wang haram memberi kesan buruk terhadap integriti, kestabilan, dan keselamatan negara, serta menyumbangkan kepada peningkatan jenayah seperti penipuan Macau, penipuan dalam talian, dan permainan dalam talian. Situasi ini memberi impak kepada respons kerajaan dan kewibawaan negara. Untuk menangani masalah ini, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan telah ditubuhkan bagi merangka Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Malaysia 2001 dan menyelaraskan tindakan Malaysia terhadap inisiatif antarabangsa. Selain itu, usaha untuk mengesan pelaku pengubahan wang haram perlu diperluas dengan memfokuskan pada pemerhatian tingkah laku dan pengecaman identiti seperti penggunaan biometrik cap jari dan pengecaman ekspresi muka. Negara yang memiliki institusi yang kukuh, sistem kewangan yang stabil, dan perdagangan terbuka lebih berupaya menghalang aliran dana haram secara berkesan. Oleh itu, kerajaan perlu menyemak Piawaian Antarabangsa FATF mengenai risiko dan respons polisi terhadap pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kajian ini turut mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada, antaranya: pembekuan dan pelucuthakan aset, hukuman penjara yang lebih panjang, serta pengurangan kerahsiaan perbankan untuk mengurangkan pengubahan wang haram di pusat kewangan luar pesisir.

### PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya atas pembiayaan geran penyelidikan UMG024L-2024 bagi kajian ini.

### RUJUKAN

- Aalbers, M. B. (2018). Financial geography I: Geographies of tax. *Progress in Human Geography*, 42(6), 916–927. <https://doi.org/10.1177/0309132517731253>
- Ahmad, K., Nasir, A., & Mohamed, Z. M. (2017). Pengubahan wang haram di Malaysia: Analisis kes mahkamah. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8(Special Issue), 145–152. <https://doi.org/10.17576/ajag-2017-08si-13>
- Asia/Pacific Group. (2021). *Mutual evaluation of Thailand 2nd follow-up report*. [www.apgml.org](http://www.apgml.org)
- AUSTRAC. (2020). *Annual compliance report*. <https://www.austrac.gov.au>
- BaFin. (2021). *Annual report on AML supervision in the non-financial sector*. <https://www.bafin.de>
- Bailey, W., & Liu, E. X. (2013). Incorporation in offshore financial centers: Naughty or nice? *International Review of Finance*, 25(2), 1–55. <https://doi.org/10.2139/ssrn.2357074>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Laporan tahunan 2020*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020\\_bm\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020_bm_book.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2022). *Laporan tahunan 2021*. [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021\\_bm\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/6458991/ar2021_bm_book.pdf)
- Basel Institute on Governance. (2021). *Basel AML Index 2021: 10th public edition*. <https://baselgovernance.org/publications/basel-aml-index-2021-10th-public-edition>
- Bekhouché, I. E. (2018). Money laundering in Malaysia, regulations and policies. *International Journal of Law*, 4(2), 22–26.
- Bryman, A. (2008). Of methods and methodology. *Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*, 3(2), 159–168. <https://doi.org/10.1108/17465640810900568>
- Financial Action Task Force. (2015a). *Anti-money laundering and counter-terrorist financing measures Malaysia*.

- Financial Action Task Force. (2015b). *Mutual evaluation report Malaysia 2015*. [www.fatf-gafi.org](http://www.fatf-gafi.org)
- Financial Action Task Force. (2016). *Mutual evaluation report Singapore*. [www.unodc.org/documents/data-and-analysis/Crime-statistics/International\\_Statistics\\_on\\_Crime\\_and\\_Justice.pdf](http://www.unodc.org/documents/data-and-analysis/Crime-statistics/International_Statistics_on_Crime_and_Justice.pdf)
- Financial Action Task Force. (2017). *Mutual evaluation report Thailand 2017*. [www.apgml.org](http://www.apgml.org)
- Financial Action Task Force. (2018a). *Anti-money laundering and counter-terrorist financing measures Malaysia*. [www.fatf-gafi.org](http://www.fatf-gafi.org)
- Financial Action Task Force. (2018c). *Mutual evaluation of Thailand*. [www.apgml.org](http://www.apgml.org)
- Financial Action Task Force. (2018d). *Mutual evaluation report Indonesia 2018*. [www.apgml.org](http://www.apgml.org)
- Financial Action Task Force. (2020). *Mutual evaluation Philippines*. [www.apgml.org](http://www.apgml.org)
- Financial Action Task Force. (2021). *Guidance on beneficial ownership and risk-based supervision*. <https://www.fatf-gafi.org>
- Gilmour, P. M. (2022). Reexamining the anti-money-laundering framework: A legal critique and new approach to combating money laundering. *Journal of Financial Crime*, 30(1), 35-47. <https://doi.org/10.1108/JFC-02-2022-0041>
- Global Financial Integrity. (2018). *Illicit financial flows: Analytical methodologies utilized by global financial integrity*. Global Financial Integrity.
- Granados, O. M., & Vargas, A. (2022). The geometry of suspicious money laundering activities in financial networks. *EPJ Data Science*, 11(1). <https://doi.org/10.1140/epjds/s13688-022-00318-w>
- Hashim, R., & Rahman, A. A. (2020). Peranan mule account dalam pengubahan wang haram di Malaysia: Satu perbincangan melalui kajian kes. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 108–145. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>
- Interpol. (2021). *Understanding and preventing mule accounts*. <https://www.interpol.int>
- Karim, Z. A., Nizam, R., & Sarmidi, T. (2013). Aliran kewangan haram, institusi, liberalisasi kewangan dan keterbukaan perdagangan: Analisis data panel. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 4, 21-30.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (2<sup>nd</sup> ed). Sage Publications, Inc.
- Malaysian Investment Development Authority. (2021). *Perbankan, kewangan dan pentadbiran pertukaran asing*. [https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2021/04/MIDA\\_Booklet\\_BM\\_Final-Perbankan-Kewangan-dan-Pentadbiran-Pertukaran-Asing.pdf](https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2021/04/MIDA_Booklet_BM_Final-Perbankan-Kewangan-dan-Pentadbiran-Pertukaran-Asing.pdf)
- Monetary Authority of Singapore. (2022). *AML/CFT Annual report*. <https://www.mas.gov.sg>
- OECD. (2017). *Standard for automatic exchange of financial account information in tax matters* (2<sup>nd</sup> edition). OECD Publishing.
- Open Ownership. (2023). *Global beneficial ownership registers*. <https://www.openownership.org>
- Osman, R. (1998). Pusat kewangan luar pesisir antarabangsa Labuan: Fungsi dan potensi. *Jurnal Kinabalu IV* (1998), 121–135.
- Picard, P. M., & Pieretti, P. (2011). Bank secrecy, illicit money and offshore financial centers. *Journal of Public Economics*, 95(7–8), 942–955. <https://doi.org/10.1016/j.jpubeco.2011.01.004>
- Scholtens, B., & Westerhuis, G. (2021). Topology of financial networks: A new paradigm for AML. *Journal of Financial Crime*, 28(3), 712–729.
- Shanmugam, B., Nair, M., & Suganthi, R. (2003). Money laundering in Malaysia. *Journal of Money Laundering Control*, 6(4), 373-378. <https://doi.org/10.1108/13685200310809699>
- U. S. Department of Justice. (2021). *Annual report on AML enforcement*.
- UK Finance. (2022). *Biometric adoption in financial services*. <https://www.ukfinance.org.uk>
- White, M. D., & Marsh, E. E. (2006). Content analysis: A flexible methodology. *Library Trends*, 55(1), 22–45. <https://doi.org/10.1353/lib.2006.0053>
- Yeh, S. S. (2022). New financial action task force recommendations to fight corruption and money laundering. *Laws*, 11(1). <https://doi.org/10.3390/laws11010008>